



SIARAN AKHBAR

LAWATAN KERJA BAGI MENINJAU KEMAJUAN BERBAGAI AKTIVITI PERTANIAN DI DAERAH BRUNEI MUARA

Sabtu, 8 Zulkaedah 1439H bersamaan 21 Julai 2018
Brunei-Muara

Beberapa orang ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018 pada hari ini, Sabtu, 21 Julai 2018 telah mengadakan lawatan kerja ke Kawasan Kemajuan Pertanian yang terdapat di Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.

Lawatan tersebut antara lain bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan meninjau perkembangan berbagai aktiviti pertanian di daerah Brunei-Muara sebagai persediaan bagi menganjurkan Majlis Ilmu 2018 sempena menyambut Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke -72 Tahun pada tahun ini yang mana Majlis Ilmu ini akan memberi fokus kepada bidang ekonomi dengan memberi tumpuan kepada bidang pertanian dan projek-projek tertentu.

Turut hadir ialah

- Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned, Mufti Kerajaan, selaku Penasihat Sambutan Majlis Ilmu 2018;
- Yang Berhormat Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali Bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018;
- Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti Bin Haji Mohd Daud, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018; dan
- Yang Mulia Yang Mulia Dr. Haji Abdul Manaf Bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018



- 2 -

Rombongan memulakan lawatan ke ladang Syarikat Sinar Tenaga Sdn. Bhd. yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di kawasan ladang di Site A1 seluas 5 hektar di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku sebagai projek rintis. Syarikat ini mula memajukan ladang berkenaan pada awal tahun 2017 dengan aktiviti pertanian berteknologi tinggi iaitu sistem rumah pelindung (*Greenhouse/protected cultivation*) dan sistem fertigasi bagi menghasilkan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang bernilai tinggi seperti Peria Putih, Tomato, Golden Fruit (Abi'u) dan Rock Melon. Syarikat ini telah menghasilkan 4.15 tan metrik bernilai B\$14,900.00 pada tahun 2017.

Seterusnya, lawatan ke ladang *Syarikat RZ Prisma Enterprise* dan ladang *Syarikat Ameenfarm Agrotech and Trading* di Pusat Penyelidikan Pertanian Kilanas. Ladang Syarikat RZ Prisma Enterprise menanam sayur-sayuran menggunakan sistem rumah pelindung (*Greenhouse*), Hidroponik dan Sistem Bertingkat (*Vertical Farming*). Manakala ladang Syarikat Ameenfarm Agrotech and Trading menanam sayur-sayuran menggunakan sistem fertigasi. Ladang seluas 4 Hektar itu mula diusahakan pada tahun 2016 bagi tanaman sayur-sayuran dan telah menghasilkan 3.07 tan metrik bernilai B\$6,569 pada tahun 2017.

Bagi mengetahui perkembangan perusahaan ternakan ayam di Daerah Brunei-Muara, lawatan seterusnya ialah ke ladang ternakan ayam pedaging Riza Fudhlana Farming yang diusahakan oleh Syarikat Riza Group di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tanah Tuah, Bebatik Kilanas.

Ladang tersebut mula dimajukan pada awal tahun 2014 dengan kaedah teknologi sistem reban ayam tertutup (*closed house with internal cooling system*). Pada masa ini, terdapat sepuluh (7) buah reban berkapasiti 22,000 – 23,000 ekor dan (3) buah reban berkapasiti 3,500 ekor sedang beroperasi secara sepenuhnya, dimana ianya telah menghasilkan sebanyak 1,155 tan ayam pedaging dalam setiap reban sepusingan. Ladang tersebut telah menghasilkan sebanyak 23,283 tan metrik dengan nilai pasaran sebanyak \$106.53 juta pada tahun 2017.

Lawatan seterusnya meninjau sebuah daripada ladang Syarikat Hj Salleh bin Hj Ludin dan Anak-Anak yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batumpu. Syarikat berkenaan mempunyai 4 lot ladang di kawasan berkenaan dengan jumlah keluasan kira-kira 7 Hektar, dan



- 3 -

telah diusahakan dengan tanaman sayur-sayuran menggunakan sistem konvensional. Ladang ini telah menghasilkan sayur-sayuran sebanyak kira-kira 495.9 tan metrik pada tahun 2017.

Lawatan diteruskan ke ladang Syarikat Tunas Harapan dan *Hua Ho Agricultural Farm* yang mana mengamalkan sistem ladang bersepadu (*Integrated Farming System*).

Lawatan berakhir di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan dimana rombongan meninjau projek penanaman padi Wasan yang diusahakan oleh KOSEKA (Koperasi Setia Kawan) dan MPK Pengkalan Batu.

Ketika membuat lawatan ke ladang padi Wasan, rombongan telah diberi taklimat oleh wakil peladang dan juga pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bahawa mulai Oktober tahun ini, peladang-peladang di kawasan berkenaan akan mula menanam benih padi Titih yang mampu menghasilkan 8 tan metrik padi sehektar semusim, dan padi Sembada188 yang mampu menghasilkan 6 tan metrik sehektar semusim. Hasil kedua-dua varieti hibrid tersebut adalah lebih tinggi berbanding padi Laila yang ketika ini hanya mampu mengeluarkan purata hasil 3 tan metrik sehektar semusim. Langkah memperkenalkan varieti-varieti padi berhasil lebih tinggi ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi hasil padi dan beras negara dalam usaha untuk meningkatkan tahap sara diri bekalan beras di negara ini.

/TAMAT.

(updated 21Jul2018, 3.19pm)

Disertakan...

Profil Pengusaha: Syarikat Sinar Tenaga Sdn. Bhd.
Syarikat RZ Prisma Enterprise
Syarikat Ameenfarm Agrotech and Trading
Riza Fudhlana Farming
Syarikat Hj Salleh bin Hj Ludin dan Anak-Anak
Syarikat Tunas Harapan
Hua Ho Agricultural Farm
KOSEKA (Koperasi Setia Kawan)
MPK Pengkalan Batu